

Assalamualaikum wrt. / Salam Sejahtera.

YBhg. Prof./ Dr./Tuan/Puan,

Terdahulu, pada tahun 2016, MQA telah menetapkan agar semua Ahli Panel Penilai (APP) menggunakan penerbangan kelas EKONOMI sahaja bagi sebarang perjalanan domestik dalam Semenanjung Malaysia manakala bagi perjalanan yang melibatkan Sabah dan Sarawak APP boleh menggunakan kadar kelayakan masing-masing.

Mengambil langkah mengoptimumkan sumber dan perbelanjaan berhemah, pengurusan MQA telah memutuskan agar APP menggunakan penerbangan kelas **EKONOMI** bagi **semua lokasi** penerbangan dalam negara, termasuklah **Sabah dan Sarawak** dalam menjalankan urusan penilaian akreditasi MQA. Selain itu, MQA juga memutuskan agar penginapan untuk APP dipinda kepada bilik **STANDARD** atau **DELUXE** bergantung kepada istilah yang digunakan oleh pihak hotel. Ketetapan ini adalah berkuatkuasa bagi tempahan mulai **18 Jun 2018**.

Diharap pihak YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan mengambil maklum dan menyokong MQA dalam melaksanakan usaha ke arah perbelanjaan berhemah.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi **Puan Siti Nurafiza Mohd Radzi** (nurafiza@mqa.gov.my) di talian 03-7954 1951 atau **Puan Nurul Najwa Binti Ahmad Puad** (nurulnajwa@mqa.gov.my) di talian **03-7968 2035**.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Koordinasi & Rujukan Jaminan Kualiti (BKRJK)
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Julai 2018